



# Memupuk daya kreativiti

☞ Kerja sekolah pelajar yang terlibat dengan program KPEC menjadi lebih kreatif apabila para pelajar didedahkan kepada tugas dalam bentuk digital seperti menyediakan filem pendek selama 10 minit, klip video atau tayangan slaid.

Oleh ROHANI IBRAHIM  
rencana@utusan.com.my

**PROGRAM** KPerak e-Learning Cluster (KPEC) merupakan idea Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir ketika beliau menjadi Pengerusi Pendidikan, Sumber Manusia dan Teknologi Maklumat Negeri Perak sebelum ini.

Matlamat program tersebut adalah menjadikan golongan pelajar di negeri Perak memiliki pemikiran yang kreatif, kritikal serta mampu belajar dan meluaskan pengetahuan secara berdikari.

Program yang dimulakan pada 2007 itu menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah lebih ceria, interaktif dan menarik melalui aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam semua mata pelajaran di sekolah.

Di bawah program KPEC, guru tidak perlu lagi memberikan penerangan panjang lebar di hadapan kelas mengenai sesuatu topik.

Dalam makmal komputer yang dikenali sebagai Studio Kreatif KPEC, guru hanya perlu menyebut tajuk yang akan diajar dan para pelajar sendiri akan mendapatkan maklumat berhubung tajuk yang diberikan di Internet.

Para pelajar kemudiannya akan berbincang dengan guru mengenai pemahaman mereka berdasarkan rujukan yang dibuat.

Sebagai contoh, bagi mata pelajaran sains pada hari berkenaan, para pelajar perlu belajar mengenai ikan paus. Guru akan meminta para pelajar mendapatkan pelbagai maklumat seperti imej dan latar belakang mengenai haiwan tersebut sebelum berkongsi maklumat dan berbincang.

Kerja sekolah pelajar yang terlibat dengan program KPEC menjadi lebih kreatif apabila para pelajar didedahkan kepada tugas dalam bentuk digital seperti menyediakan filem pendek selama 10 minit, klip video atau tayangan slaid. Kemudahan kamera digital turut disediakan untuk membantu para pelajar memuatkan pelbagai imej dalam tugas mereka.

Inisiatif program perintis KPEC yang mencatatkan hasil positif pada hari ini adalah selaras dengan seruan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak supaya Malaysia mewujudkan masyarakat kreatif dan berinovatif bagi memperkasakan negara.

Lima buah sekolah di Perak yang terlibat

dengan projek perintis KPEC ini adalah Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Bayu, Manjung; SK Seri Ampang, Ipoh; SK Seri Adika Raja, Gerik; Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Raja Perempuan Kelsom, Kuala Kangsar dan SMK Matang, Taping.

Projek perintis KPEC tersebut dirangka oleh KPerak Implementation and Coordination Corporation (KPerak) iaitu agensi pelaksana agenda dan inisiatif ICT bagi Kerajaan Negeri Perak dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Negeri Perak dan organisasi pendidikan New Zealand, iNZed.

Ditubuhkan pada November 2006, KPerak diperbadankan sebagai syarikat yang diamanahkan Kerajaan Negeri Perak untuk menelaraskan dan melaksanakan inisiatif ICT.

Selain bertanggungjawab pelaburan ICT dari dalam dan luar negara ke Perak, KPerak menerajui dan memantau daya usaha kerajaan negeri dan MSC Malaysia Cybercentre di Bandar Meru Raya, Ipoh.

Sebelum projek perintis KPEC dimulakan, satu delegasi terdiri daripada para pegawai KPerak, Jabatan Pelajaran Negeri Perak dan guru terlibat dengan KPEC dari kelima-lima sekolah terpilih mengadakan lawatan ke sekolah-sekolah di Auckland, New Zealand. Lawatan bertujuan meninjau penggunaan ICT dalam pembelajaran sekolah di sana.

Antara sekolah yang dilawati delegasi berkenaan di New Zealand ialah Papatoetoe Intermediate, Papatoetoe High School, Orewa College, Wainui School, St. Mary's College dan Viscount Learning Community.

Ketua Pegawai Eksekutif KPerak, Dr. Ahmad Kamil Mahmood berkata, KPEC membuka minda pelajar untuk belajar dalam suasana yang lebih ceria melalui proses pembelajaran yang berbeza dan tidak memberi tumpuan kepada peperiksaan semata-mata.

"KPEC mampu meningkatkan motivasi para pelajar yang agak pasif dan lemah dalam pelajaran untuk menjadi lebih aktif melalui penggunaan pelbagai teknologi.

"Pada Oktober tahun lalu, KPerak menyerahkan Studio Kreatif KPEC kepada kelima-lima sekolah yang terlibat dengan projek perintis KPEC. Kos bagi setiap satu studio kreatif kira-kira RM200, 000.

"Ini termasuklah kos pengubahsuaian, penyediaan kemudahan infrastruktur dan jalur

lebar," jelasnya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di pejabat KPerak di Bandar Meru Raya, Ipoh, Perak baru-baru ini.

Tambah beliau, KPerak membelanjakan lebih RM1 juta untuk menyediakan Studio Kreatif KPEC di kelima-lima buah sekolah yang terlibat dalam projek perintis KPEC.

Guru SK Seri Bayu, Sulmawati Sulaiman berkata, program KPEC berjaya meningkatkan prestasi akademik pelajar yang agak lemah dalam pelajaran.

"Penggunaan ICT yang bersifat interaktif membolehkan pelajar mendapatkan pelbagai maklumat dengan sendiri di Internet, selain menunjukkan kreativiti dalam bidang digital yang menjadikan pelajaran lebih menarik.

"Malah mereka yang sudah meninggalkan SK Seri Bayu selepas tamat Tahun Enam dan menyambung pelajaran di sekolah menengah memohon untuk menggunakan Studio Kreatif KPEC untuk belajar," jelasnya ketika ditemui di SK Seri Bayu di Seri Manjung, Manjung, Perak.

Sementara itu, Guru Besar SK Seri Bayu, Ahmad Dalail Mohd. Rakim berkata, program KPEC yang dilaksanakan di sekolah itu mendapat sambutan menggalakkan daripada para ibu bapa.

"Seawal Tahun Satu, murid sudah dide-

dahkan dengan dunia digital dalam tugas dan pembelajaran sehingga mereka begitu celik teknologi maklumat (IT) dan mampu menghasilkan pelbagai kreativiti seperti mencipta logo dan membangunkan laman blog sendiri.

"Pendedahan kepada dunia digital pada usia kecil membantu guru mendidik murid untuk melihat ICT sebagai keperluan pembelajaran dan menggunakannya secara positif," jelasnya.

Pelajar Tahun Enam SK Seri Bayu, Farhan Amran, 12, berkata, program KPEC meningkatkan minat dan kemahiran beliau dalam dunia ICT untuk menjadi seorang juruanalisa sistem apabila dewasa.

"Saya sudah menghasilkan beberapa klip video mengenai beberapa acara di sekolah. Ada juga orang dewasa yang meminta bantuan saya membangunkan blog bagi membantunya menjual pinggan-mangkuk.

"Bagaimanapun, saya sering diingatkan supaya mendisiplinkan diri dalam menggunakan komputer dan menghabiskan lebih banyak masa untuk belajar daripada bermain *game*. Ini kerana saya bakal menduduki Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) tidak lama lagi," katanya.



**AHMAD** Kamil Mahmood (dua dari kiri) bersama Zambry Abd. Kadir pada majlis perasmian Pangkor Digital Point di Pulau Pangkor, Perak baru-baru ini.